



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

**POLITEKNIK**  
MALAYSIA  
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

# e-PROCEEDING CIE-TVET VIRTUAL CONFERENCE 2022

**12<sup>th</sup> NATIONAL CONFERENCE**  
IN TECHNICAL EDUCATION & VOCATIONAL TRAINING 2022

**5-6 SEPTEMBER 2022**  
POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH



e-Proceeding of 12<sup>th</sup> National  
Conference in Technical Education and Vocational Training 2022  
(CiE-TVET 2022)

**TVET EDUCATION: LEVERAGING THE FUTURE**

**5-6 SEPTEMBER 2022**  
**POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH**

Hak Cipta ©Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 2022

Hak Cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pengarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

e-Proceeding of 12<sup>th</sup> National  
Conference in Technical Education and Vocational Training 2022

No eISBN: 978-967-0032-50-4

e ISBN 978-967-0032-50-4



9 7 8 9 6 7 0 0 3 2 5 0 4

e-Proceeding CIE-TVET 2022

Ketua Editor:  
Ts. Dr. Ainul Haezah Noruzman

Editor:  
Yusnita Yusof  
Dr. Siti Anizah Muhamed  
Muhammad Afiq Faisal Muhammad Ilias

Pereka Grafik:  
Mohd Firdaus Sedet

Diterbitkan oleh:

UNIT PENERBITAN  
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
Persiaran Usahawan  
Seksyen U1  
40450 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan  
No. Tel: 03 – 5163 4000  
No. Faks: 03 – 5563 1903

# **E-Pocket Fluid Mechanics**

Wan Majdah Ton Mamat, Zetty Rohaiza Mohd Sahak @ Ishak, Nazratulhuda Hashim

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40150 Shah Alam, Selangor, Malaysia  
*w\_majdah@yahoo.com*

## **ABSTRAK**

Kursus Fluid Mechanics (DJJ20073) merupakan satu kursus teras bagi pelajar di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal di semua Politeknik Malaysia. Bagi memudahkan kelangsungan proses pembelajaran, kaedah nota secara visual telah diperkenalkan. Dengan itu, e-Pocket Fluid Mechanics (DJJ20073) dihasilkan sebagai alat bantu mengajar yang telah digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan boleh dicapai oleh semua pelajar Politeknik Malaysia khususnya dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) amnya. Idea inovasi ini dibangunkan daripada pemasalahan pelajar ekoran hasil dapatan Course Outcome Review Report CORR bagi kursus Fluid Mechanics (DJJ20073). Objektif penghasilan e-pocket Fluid Mechanics (DJJ20073) adalah untuk memudahkan para pelajar mencapai formula-formula berkaitan ketika menjawab soalan serta mengadaptasi kaedah Internet of Thing (IoT) dalam proses pengajaran dan pembelajaran. E-pocket Fluid Mechanics (DJJ20073) ini dibangunkan menggunakan kombinasi aplikasi Canva & Powtoon untuk menarik minat para pelajar. E-pocket Fluid Mechanics (DJJ20073) boleh dicapai melalui laman web Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) dan boleh diakses melalui mana-mana peranti yang bersesuaian. Analisa keberkesanan e-Pocket ini menunjukkan bahawa penghasilan kaedah ini banyak membantu pelajar dalam memudahcara pembelajaran dan pemahaman pelajar terhadap kursus ini. Kesimpulannya produk yang dihasilkan sangat membantu dalam proses pembelajaran dan pengajaran dan boleh disebarluaskan kepada institusi pendidikan lain.

**Kata Kunci:** e-pocket, fluid mechanics, formula

## **1. PENGENALAN**

Pembelajaran atas talian merupakan satu fenomena baru yang dipraktikkan oleh semua pihak. Kesan daripada pandemik COVID-19, kesesuaian pengajaran dan pembelajaran (PdP) perlu dipertimbangkan bagi melancarkan sistem pendidikan negara. Menurut Resien (2020) pembelajaran ialah proses perubahan tingkah laku disebabkan oleh interaksi antara individu dan persekitaran. Dalam menghadapi situasi begini, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah juga tidak ketinggalan dalam menyediakan platform serta kemudahan sebagai kesiapsediaan PdP dalam musim pandemik ini. Ini turut dinyatakan oleh Siburian (2020) yang menghuraikan bahawa media pembelajaran ialah perkara yang boleh menyalurkan mesej, dapat merangsang pemikiran, perasaan dan kehendak pelajar sehingga menggalakkan penciptaan proses pembelajaran dalam diri pelajar itu.

Kursus Fluid Mechanics (DJJ20073) merupakan komponen Teras Khusus yang wajib diambil oleh semua pelajar semester dua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Malaysia. Course Learning Outcome 2 (CLO2) bagi kursus ini ialah menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan sifat bendalir, statik bendalir dan dinamik bendalir. Hampir 90% kandungan kursus ini melibatkan pengiraan yang mengandungi pelbagai formula.

## 1.1 Kaedah Sedia Ada

### 1.1.1 Buku Teks Fluid Mechanics Edisi 1

Buku teks Fluid Mechanics Edisi 1 telah diterbitkan pada tahun 2016 oleh penerbit Politeknik Seberang Prai. Kerjasama pensyarah-pensyarah daripada beberapa buah politeknik telah berjaya menghasilkan buku yang boleh digunakan oleh semua pelajar Politeknik Malaysia khususnya dan institusi pengajian tinggi lainnya. Para pelajar boleh merujuk buku teks ini untuk sesi ulangkaji kerana buku teks ini disediakan mengikut silibus Fluid Mechanics Politeknik Malaysia. Rajah 1 di bawah menunjukkan muka hadapan buku teks yang dimaksudkan.



Rajah 1: Muka Hadapan Buku Teks Fluid Mechanics Edisi 1 dan Edisi 2

### 1.1.2 Buku Teks Fluid Mechanics Edisi 2

Pada tahun 2018, buku teks Fluid Mechanics Edisi 2 telah diterbitkan menggantikan edisi 1 dengan beberapa justifikasi tambahan antaranya penambahan nota serta soalan-soalan berkaitan bagi setiap topik. Dengan adanya soalan-soalan tambahan, para pelajar boleh membuat ulangkaji bagi meningkatkan pemahaman mereka. Bagi membezakan edisi 1 dan 2, penerbit telah menggunakan muka hadapan yang berbeza.

## 2.0 PENYATAAN MASALAH

Apabila negara kita dilanda pandemik COVID-19, proses pengajaran dan pembelajaran sedikit sebanyak turut terjejas. Jika sebelum ini para pelajar boleh bergantung penuh dengan buku teks yang telah sedia ada dan sesi kuliah bersemuka, kini para pelajar terpaksa didedahkan dengan pembelajaran secara atas talian. Buku-buku teks tidak dapat dibekalkan sepenuhnya kepada para pelajar kerana pelajar tidak dibenarkan hadir ke kampus ekoran pandemik yang melanda dan sekiranya dihantar melalui pos akan melibatkan kos kepada pelajar tersebut. Oleh itu, satu kemudahan aplikasi yang mudah dicapai perlu dibangunkan bagi menyelesaikan masalah penyediaan nota bagi kelancaran PdP berlangsung.

## 3.0 OBJEKTIF

Tujuan pelaksanaan inovasi pengajaran dan pembelajaran dengan penggunaan e-poket Fluid Mechanics (DJJ20073) adalah untuk:

- i. Mencipta suatu aplikasi capaian secara talian bagi memudahkan para pelajar mencapai formula-formula berkaitan sebagai rujukan.
- ii. Membina nota e-poket dengan mengadaptasi kaedah Internet of Thing (IoT) dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
- iii. Memudahkan pelajar mengakses formula-formula berkaitan pada bila-bila masa walau di mana pelajar berada dengan adanya saluran internet.

## 4.0 METODOLOGI

Idea inovasi mula dibincangkan pada bulan April 2020 hasil dapatan daripada Analisa Course Review Report (CORR) Fluid Mechanics Sesi Jun 2020 yang mendapati pelajar lemah bagi CLO2 iaitu memerlukan pelajar untuk menyelesaikan masalah yang melibatkan pengiraan serta mengingat setiap formula dalam silibus. Salah satu faktor yang dikenalpasti ialah kesukaran para pelajar untuk mendapatkan dan mengenalpasti formula yang dikehendaki sewaktu menyelesaikan permasalahan yang dinyatakan bagi kursus Fluid Mechanics. Untuk mengatasi permasalahan ini, kumpulan inovasi ini telah diwujudkan yang terdiri daripada 3 ahli kumpulan iaitu:

- i. Wan Majdah Binti Ton Mamat
- ii. Zetty Rohaiza Binti Mohd Sahak @ Ishak
- iii. Nazratulhuda Binti Hashim

### 4.1 Proses Kerja & Skop Tugas

Jadual 1: Carta Gantt Proses Kerja

Proses Kerja	Minggu																								
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	
Mengenalpasti permasalahan dan konsep (brainstorm dan pengumpulan maklumat) berorientasikan pelajar																									
Penyediaan formula dan aplikasi perisian dalam melengkapkan keperluan inovasi																									
Pengembangan dan hasil tambah baik persembahan untuk penghasilan video yang berkualiti																									
Mengorganisasi penyarah dan pelajar untuk mengakses e-poket																									
Menganalisis pencapaian pelajar bagi kursus DJJ20073																									
Pelaporan inovasi e-poket untuk dokumentasi																									

Inovasi ini mengambil masa selama 2 minggu untuk disiapkan bermula dari 24 Februari 2021 sehingga 8 Mac 2021 sebelum diuji penggunaannya selama satu semester (14 minggu) kepada pelajar semester 2 yang mengambil kursus Fluid Mechanics bermula dari 8 Mac 2021 sehingga 20 Jun 2021. Para pelajar diberi peluang menggunakan e-poket Fluid Mechanics. Maklum balas yang diperolehi dalam bentuk soalan kajiselidik sebelum dan selepas penggunaan e-poket Fluid Mechanics membolehkan inovasi ini dinilai keberkesanannya. Seterusnya penyediaan laporan inovasi telah mengambil masa selama 2 minggu. Ringkasan penghasilan inovasi ini telah ditunjukkan dalam Jadual 1.



## 4.2 Sasaran Pengguna

- i. Kumpulan sasaran utama ialah pelajar semester dua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah yang mengambil kursus Fluid Mechanics (DJJ20073).
- ii. Pelajar-pelajar Politeknik Malaysia yang mengambil kursus Fluid Mechanics (DJJ20073).

## 4.5 Cara Operasi

Penggunaan E-Pocket dalam pengajaran dan pembelajaran bagi kursus Fluid Mechanics (DJJ200723) adalah bertujuan untuk memastikan objektif PdP dapat dicapai dengan sepenuhnya dan menyeluruh. Hal ini kerana inovasi e-poket bukan sahaja menarik perhatian dan minat malah untuk digunakan bagi memberi gambaran tentang formula yang lebih mudah difahami dan memenuhi keperluan untuk masalah yang melibatkan pengiraan. Secara tidak langsung, ianya membuka lembaran baru kepada pensyarah untuk membantu pelajar mengenalpasti formula dan membentuk pengisiannya mengikut kesesuaian perancangan dan pelaksanaan pengajaran berdasarkan kepada topik yang berkaitan.

Penggunaannya yang sangat fleksibel dan memberi peluang pada bila-bila masa dan di mana jua keberadaan yang terdapat jalaran internet di kawasan tersebut untuk mengaksesnya. Kaedah penggunaan e-poket merupakan kaedah yang belum digunapakai sebelum ini dan sangat relevan dalam membantu proses pembelajaran yang bermutu.


Di samping itu, penggunaan e-poket ini amat sesuai dengan keperluan kursus Fluid Mechanics (DJJ20073). Hal ini kerana grafik dan susunannya yang sistematik dan ringkas memudahkan kefahaman dan hafalan pelajar malah dapat mengenalpasti formula yang sewajarnya digunakan berdasarkan kepada keperluan soalan penilaian. Ianya juga menjadi faktor penggalak kepada pensyarah dalam melaksanakan kepelbagaian dalam kaedah penyampaian pengajaran dan pembelajaran yang membantu kepada proses pemahaman pelajar.

Pengguna khususnya pelajar boleh mengakses melalui portal laman web PSA dan memasukkan nama pengguna dan katakunci untuk melayari e-poket. Pelajar diberi pilihan untuk menggunakan mana-mana paparan yang berkaitan.

## 4.6 Gambarajah Inovasi

Bagi menjelaskan penggunaan projek inovasi ini, tatacara penggunaan adalah seperti berikut :

Untuk menggunakan e-poket Fluid Mechanics, sebagai tatacara pertama, para pelajar perlu login di <https://www.elearningpsa.edu.my/epocket/home-epocket-psa/> dan paparan berikut akan terpapar.



Rajah 2: Tatacara Penggunaan E-Poket Fluid Mechanics

Tatacara kedua memerlukan pelajar untuk login. Para pelajar perlu menggunakan id “pelajarpsa” dan password “pelajarpsa”. Seterusnya, pelajar perlu klik pada ikon Nota E-poket untuk memasuki aplikasi yang disediakan. Setelah memilih ikon Nota E-poket, pelajar perlu klik ikon JKM dan memilih Semester 2. Kemudian, pelajar perlu memilih kod DJJ20073 sebagai pilihan kursus Fluid Mechanics. Terdapat dua jenis fail iaitu nota dan rumus formula yang disediakan untuk memberikan pilihan kepada para pelajar.

Paparan e-poket disediakan menggunakan dua jenis perisian bagi menjadikan ianya lebih menarik dan mudah digunapakai. Rajah 3 menunjukkan aplikasi formula disediakan menggunakan perisian Canva manakala rajah 4 menunjukkan formula berikut disediakan menggunakan perisian Powtoon.



Rajah 3: Formula E-Poket DJJ20073 Menggunakan Perisian Canva



Rajah 4: Formula E-Poket DJJ20073 Menggunakan Perisian Powtoon

## 6.0 KEPUTUSAN & PERBINCANGAN

Penghasilan projek inovasi dalam PdP yang dinamakan e-poket Fluid Mechanics di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dilihat mampu menyelesaikan permasalahan seperti dinyatakan. Keberkesanan pelaksanaan aplikasi e-poket ini dapat dilihat secara terperinci dalam Analisa Pencapaian CLO yang telah dijana oleh Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik (SPMP). Impak keberkesanan inovasi ini dapat dilihat melalui hasil dapatan peratus pencapaian CLO2 kedua-dua program iaitu Diploma Kejuruteraan Mekanikal (DKM) dan Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pembungkusan) (DMP) dengan melihat perbandingan untuk sesi Jun 2020 dan sesi Disember 2020. CLO2 merujuk kepada kebolehan pelajar untuk menyelesaikan masalah berkaitan sifat-sifat statik dan dinamik bendalir.

Keputusan Analisa CORR bagi kursus DJJ20073 untuk sesi Jun 2020 dapat dilihat secara terperinci mengikut program dan sesi. Hasil dapatan diperolehi ditunjukkan dalam rajah 5 untuk program DKM manakala Rajah 6 menunjukkan ringkasan untuk program DMP. Didapati bahawa secara keseluruhan keseluruhan CLO2 yang dicapai oleh pelajar pada semester ini ialah 67% untuk program DKM manakala 72% untuk program DMP.



POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH SUMMARY : COURSES REVIEW REPORT				
<b>1. COURSE INFORMATION</b>				
PROGRAMME	: DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL			
COURSE NAME	: DJJ20073 - FLUID MECHANICS			
CLASS	: DKM2A			
SESSION	: JUNE 2020			
<b>2. COURSE LEARNING OUTCOME</b>				
CLO	CONTENT	SECTION	GROUP ATTAINMENT (%)	
CLO1C	Explain the fundamentals of fluid	DKM2A	89	89
CLO2C	Solve problems related to fluid properties, fluid statics and fluid dynamics	87	87	87
CLO3P	Organize appropriate experiments in groups according to the standard operating procedures	89	89	89
<b>3. PROGRAMME LEARNING OUTCOME</b>				
PLO	CONTENT	SECTION	GROUP ATTAINMENT (%)	
PLO001	Apply knowledge of applied mathematics, applied science, engineering fundamentals and an engineering specialisation as specified in DK1 to DK4 respectively to wide practical procedures and practices	DKM2A	71	71
PLO005	Apply appropriate techniques, resources and modern engineering and IT tools to well-defined engineering problems, with an awareness of the limitations (DK6)	89	89	89
<b>4. REFLECTION (KOMEN DAN CADANGAN)</b>				
PENCAPAIAN / ACHIEVEMENT		CADANGAN (Cadangan untuk baki PLO yang lemah < 50%)		
Semua CLO mencapai sasaran yang telah ditetapkan namun peratus CLO2C agak rendah iaitu 87%.		CLO2C melibatkan soalan-soalan pengiraan. Contoh soalan latihan yang melibatkan pengiraan perlu diperbanyakkan di dalam kelas untuk meningkatkan penguasaan pelajar.		

Rajah 5: Analisa CORR Bagi Kursus DJJ20073 Untuk Program DKM Pada Sesi Jun 2020

POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH SUMMARY : COURSES REVIEW REPORT				
<b>1. COURSE INFORMATION</b>				
PROGRAMME	: DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL (PEMBUNGKUSAN)			
COURSE NAME	: DJJ20073 - FLUID MECHANICS			
CLASS	: DMP2A			
SESSION	: JUNE 2020			
<b>2. COURSE LEARNING OUTCOME</b>				
CLO	CONTENT	SECTION	GROUP ATTAINMENT (%)	
CLO1C	Explain the fundamentals of fluid	DMP2A	92	92
CLO2C	Solve problems related to fluid properties, fluid statics and fluid dynamics	72	72	72
CLO3P	Organize appropriate experiments in groups according to the standard operating procedures	92	92	92
<b>3. PROGRAMME LEARNING OUTCOME</b>				
PLO	CONTENT	SECTION	GROUP ATTAINMENT (%)	
PLO001	Apply knowledge of applied mathematics, applied science, engineering fundamentals and an engineering specialisation as specified in DK1 to DK4 respectively to wide practical procedures and practices	DMP2A	75	75
PLO005	Apply appropriate techniques, resources and modern engineering and IT tools to well-defined engineering problems, with an awareness of the limitations (DK6)	92	92	92
<b>4. REFLECTION (KOMEN DAN CADANGAN)</b>				
PENCAPAIAN / ACHIEVEMENT		CADANGAN (Cadangan untuk baki PLO yang lemah < 50%)		
Semua CLO mencapai sasaran yang telah ditetapkan namun peratus CLO2C agak rendah iaitu 72%.		CLO2C melibatkan soalan-soalan pengiraan. Contoh soalan latihan yang melibatkan pengiraan perlu diperbanyakkan di dalam kelas untuk meningkatkan penguasaan pelajar.		

Rajah 6: Analisa CORR Bagi Kursus DJJ20073 Untuk Program DMP Pada Sesi Jun 2020

Bagi keputusan analisa CORR bagi kursus DJJ20073 untuk sesi Disember 2020 dapat dilihat dalam paparan seterusnya. Untuk program DKM peratus CLO2 yang ditunjukkan dalam rajah 7 ialah 88.7% manakala untuk program DMP, merujuk kepada rajah 8 peratus pencapaian CLO2 ialah 76%.


POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH SUMMARY : COURSES REVIEW REPORT					
<b>1. COURSE INFORMATION</b>					
PROGRAMME	: DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL				
COURSE NAME	: DJJ20073 - FLUID MECHANICS				
CLASS	: DKM2A, DKM2B, DKM2C				
SESSION	: DECEMBER 2020				
<b>2. COURSE LEARNING OUTCOME</b>					
CLO	CONTENT	SECTION	GROUP ATTAINMENT (%)		
CLO1C	Explain the fundamentals of fluid	DKM2A, DKM2B, DKM2C	85	81	85.3
CLO2C	Solve problems related to fluid properties, fluid statics and fluid dynamics	91, 90, 88	91	88	88.7
CLO3P	Organize appropriate experiments in groups according to the standard operating procedures	83	88	83	84.7
<b>3. PROGRAMME LEARNING OUTCOME</b>					
PLO	CONTENT	SECTION	GROUP ATTAINMENT (%)		
PLO001	Apply knowledge of applied mathematics, applied science, engineering fundamentals and an engineering specialisation as specified in DK1 to DK4 respectively to wide practical procedures and practices	DKM2A, DKM2B, DKM2C	91	90	83
PLO005	Apply appropriate techniques, resources and modern engineering and IT tools to well-defined engineering problems, with an awareness of the limitations (DK6)	83	88	83	85
<b>4. REFLECTION (KOMEN DAN CADANGAN)</b>					
PENCAPAIAN / ACHIEVEMENT		CADANGAN (Cadangan untuk baki PLO yang lemah < 50%)			
CLO3P lebih rendah berbanding CLO yang lain iaitu 81%. CLO3P merupakan praktikal yang melibatkan virtual lab pada semester Dis 2020 kerana pandemik covid-19. PLO005 lebih rendah berbanding PLO lain iaitu 85%. PLO005 ialah Modern Tool Usage.		Pensyarah yang mengajar kursus ini pada semester hadapan perlu memberikan penerangan yang lebih jelas kepada para pelajar tentang tatacara penyediaan virtual lab beserta penerangan berkaitan. Penahanan para pelajar berkaitan virtual lab perlu diertingkatkan selanjutnya pada semester hadapan masih menggunakan kaedah virtual lab.			

Rajah 7: Analisa CORR Bagi Kursus DJJ20073 Untuk Program DKM Pada Sesi Disember 2020

POLITEKNIK SULTAN SALAMUDDIN ABDUL AZIZ SHAH SUMMARY : COURSES REVIEW REPORT			
<b>1. COURSE INFORMATION</b>			
PROGRAMME	DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL (PEMBUNGKUSAN)		
COURSE NAME	DJJ20073 - FLUID MECHANICS		
CLAS	DMP2A		
SESSION	DECEMBER 2020		
<b>2. COURSE LEARNING OUTCOME</b>			
CLO	CONTENT	SECTION	GROUP ATTAINMENT (%)
CLO2C	Explain the fundamentals of fluid	100	100
CLO2C	Solve problems related to fluid properties, fluid statics and fluid dynamics	78	78
CLO2P	Organise appropriate experiments in groups according to the standard operating procedures	94	94
<b>3. PROGRAMME LEARNING OUTCOME</b>			
PLO	CONTENT	SECTION	GROUP ATTAINMENT (%)
PL001	Apply knowledge of applied mathematics, applied science, engineering fundamentals and an engineering specialisation as specified in DK1 to DK4 respectively to wide practical procedures and practices.	79	79
PL005	Apply appropriate techniques, resources, and modern engineering and IT tools to well-defined engineering problems, with an awareness of the limitations (DMS).	94	94
<b>4. REFLECTION (KOMEN DAN CADANGAN)</b>			
PENCAPAIAN / ACHIEVEMENT		CADANGAN	
CLO2C agak rendah berbanding CLO lain iaitu 78%. Assessment bagi CLO2C melibatkan soalan-soalan pengiraan.		(Cadangan untuk baki PLO yang lemah: 50%) Pensyarah yang mengajar kursus ini pada semester hadapan perlu memperkukuhkan pemahaman dengan memberikan contoh-contoh soalan yang berkaitan pengiraan seperti contoh soalan-soalan peperiksaan semester-semester sebelum ini.	
PL001- KNOWLEDGE agak rendah berbanding PLO lain iaitu 78%		Pemahaman pelajar berkaitan soalan-soalan pengiraan perlu dipertingkatkan.	


Rajah 8: Analisa CORR Bagi Kursus DJJ20073 Untuk Program DMP Pada Sesi Disember 2020

Bagi melengkapkan perbandingan kedua-dua semester yang telah dibincangkan sebelum ini, graf dalam rajah 9 berikut menunjukkan peningkatan dari segi CLO2 berdasarkan kepada analisa CORR untuk kedua-dua program iaitu DKM dan DMP. Berdasarkan kepada analisa CORR dapat dilihat berlaku peningkatan yang ketara bagi kedua-dua program iaitu DKM dan DMP untuk CLO2 bagi sesi Disember 2020 berbanding sesi Jun 2020.




Rajah 9: Graf Perbandingan CLO2 Bagi Program DKM dan DMP Bagi Sesi Jun 2020 dan Disember 2020

Untuk menunjukkan impak dan keberkesanan projek inovasi ini, satu soal selidik turut dijalankan kepada 93 orang responden yang terdiri daripada 88 orang pelajar DKM dan 16 orang pelajar DMP. Hasil soal selidik tersebut boleh dilihat secara ringkas dalam carta pai di bawah. Daripada rajah 10, didapati 95% responden setuju penggunaan e-poket Fluid Mechanics membolehkan mereka mencapai formula berkaitan kursus Fluid Mechanics dengan lebih mudah dan pantas.



Rajah 10: Responden Bersetuju Pencapaian E-Poket Fluid Mechanics Mudah dan Pantas

Selain itu, 98% responden bersetuju bahawa penggunaan e-poket Fluid Mechanics berjaya memperkenalkan konsep IoT dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya berjaya meningkatkan minat pelajar terhadap kursus Fluid Mechanics. Ringkasan hasil dapatan boleh dilihat dalam carta pai di rajah 11 di bawah.



Rajah 11: Responden Bersetuju Pencapaian E-Poket Fluid Mechanics Menarik Minat

Selain daripada penggunaan aplikasi e-poket Fluid Mechanic yang lebih mudah dan pantas, ia mampu menarik minat pelajar. Kelebihan lain yang dapat dilihat dari segi penggunaan e-poket ini ialah dari segi kos. Tiada penglibatan sebarang kos dalam pembangunan inovasi ini kerana ia hanya melibatkan kepakaran pensyarah dan perisian Canva dan Powtoon yang digunakan juga boleh didapati secara percuma. Ini menunjukkan bahawa aplikasi e-poket ini sangat membantu untuk pelajar yang terlibat.

Secara keseluruhannya, kualiti pembelajaran yang berpusatkan pelajar amat bergantung kepada keberkesanan cara pensyarah memilih dan menggunakan alat bantu mengajar yang sesuai. Dengan pembelajaran yang biasa dijalankan, kebanyakan pensyarah bergantung kepada penggunaan buku teks dan buku rujukan bagi memastikan pengetahuan dan teknologi yang disampaikan adalah terkini seiring dengan pembangunan teknologi yang pesat. Namun begitu, penghasilan projek inovasi e-poket Fluid Mechanics ini mampu membawa peredaran teknologi pendidikan yang lebih global dan mudah dicapai oleh semua pihak. Sehubungan dengan itu penggunaan telefon bimbit amat berguna untuk menghubungkan pelajar dengan rakan sebaya yang memberi kesan kepada pemikiran untuk menyelesaikan masalah dan berfikir secara kritis yang telah diuraikan oleh G.J. Hwang (2011).

## 6.1 Cadangan Penambahbaikan

Secara rasionalnya, penggunaan e-poket ini perlu digerakkan oleh pihak-pihak berkaitan termasuk pihak pengurusan institusi yang akan memberi impak pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan. Tambahan pula, ia turut disokong oleh penyelidikan oleh April (2017) dalam kajiannya bahawa aplikasi e-poket telah meningkatkan pencapaian yang memberangsangkan hasil pembelajaran pelajar dalam pengujian yang telah dilakukan. Kaedah inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran ini perlu diguna pakai di seluruh Politeknik Malaysia yang mengambil kursus DJJ20073 Fluid Mechanics dan kursus yang ditawarkan serta bersesuaian bagi membantu peningkatan pencapaian pelajar.

Para pensyarah kursus Fluid Mechanics turut bercadang untuk menghasilkan e-book Fluid Mechanics bagi memudahkan lagi para menghadapi pembelajaran secara atas talian. Sejalan dengan itu, PSA juga harus merancang strategi pengajaran dan pembelajaran yang bersifat kreatif dan inovatif bagi menjadikan pembelajaran sesuai dengan naluri perkembangan minda manusia. Institusi yang kreatif dan inovatif akan mendorong efektif dan psikomotor pelajar serta perubahan dan kemajuan kognitif pelajar.

Pembudayaan inovasi dan kreativiti yang dihasilkan akan menjadi tunjang ke arah transformasi Politeknik yang berterusan mampu meletakkan kedudukan PSA sebaris dengan IPTA dan IPTS. Malah ianya juga memangkinkan kepada proses cetusan idea yang kreatif dan inovatif seiring dengan perubahan teknologi era terkini.

## 7.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya projek inovasi ini perlu diteruskan perlaksanaannya oleh semua pensyarah yang mengajar kursus Fluid Mechanics pada sesi seterusnya kerana berupaya meningkatkan kualiti keberkesanan dan kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran. Strategi pelaksanaan e-poket ini dapat meningkatkan kemampuan dalam mengenal pasti dan mengingati formula yang diguna pakai bagi kursus Fluid Mechanics (DJJ20073) dan mengalakkan pelajar untuk sentiasa peka kepada perubahan penyampaian ilmu dalam membantu proses menjana ilmu. Seterusnya diharapkan dapat memenuhi sasaran yang

diperlukan selaras dengan misi Politeknik iaitu membina persekitaran pembelajaran transformatif dan lebih kreatif ke arah menjana pelajar yang dipimpin.

## **RUJUKAN**

- April, W. (2017). Pocket book learning media development based on digital android to increase interest and outcomes learning of physics students grade SMA N 1 Ketis in the subject matter balance of body right. *Jurnal Pendidikan Fisika*, 6(2).
- Hwang, G. J., Wu, P. H., & Ke, H. R. (2011). An interactive concept map approach to supporting mobile learning activities for natural science courses. *Computers & Education*, 2272–2280.
- Mustafar, N. (2022). *Fluid mechanics text book 3rd edition*. Politeknik Seberang Prai.
- Norhayati Zamri, Nor Bahiyah Omar, Norul Akma Mansor, Liyana Ab Rahman, & Farah Husna Mohd Fatzel. (2021). E-pocket note: An interactive video learning for effective online teaching and learning process. *International Exhibition & Symposium on Productivity, Innovation, Knowledge, Education & Design (i-SPiKe 2021)*, 205-209.
- Nur Afrianti, Dede Ruslan, & Muhammad Yusuf. (2021). Implementation of the e-pocket book to improve learning outcomes in economics at Madrasah Aliyah Madinatussalam, Bandar Khalifah Regency, Indonesia. *Budapest International Research and Critics in Linguistics and Education (BirLE) Journal*, 4(1), 125-131.
- Resien, S. H. (2020). The effect of blended learning strategy and creative thinking of students on the results of learning information and communication technology by controlling prior knowledge. *Budapest International Research In Critics Educations (Birle) Journal*, 3(2), 879-893.
